

10 AUG 1997

Muhyiddin-Sosial

5,000 PERINTIS PROGRAM KHIDMAT SOSIAL NEGARA

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Seramai 5,000 peserta seluruh negara dijangka menyertai fasa pertama Program Khidmat Sosial Negara yang akan diadakan pada Februari depan.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, sebanyak 100 pusat latihan sudah dikenal pasti bagi melatih remaja selepas mereka menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Kerahan tenaga belia ala-Malaysia ini mengkehendaki remaja berada di pusat latihan antara empat hingga enam minggu bagi membina sahsiah, moral dan akhlak mereka," katanya selepas merasmikan Simposium Kaunseling Belia Negara di Pusat Belia Antarabangsa Cheras, hari ini.

Simposium sehari itu bertujuan memberi pendedahan kepada pemimpin persatuan belia, pegawai Rakan Muda dan pelajar institusi pengajian tinggi mengenai skil kaunseling yang betul dan berkesan.

Muhyiddin berkata, deraf akhir modul Program Khidmat Sosial Negara hampir siap dan akan dihantar kepada Jawatankuasa Modul dan Jawatankuasa Pemandu di bawah Kementerian itu untuk semakan akhir.

Februari lepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedang menimbang cadangan supaya satu bentuk khidmat kerahan tenaga bagi lepasan sekolah dilakukan sebagai satu daripada cara menangani masalah sosial di kalangan muda-mudi negara ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan berpendapat pelaksanaan khidmat sedemikian akan dapat membina kekuatan dalaman dalam diri remaja serta menghindar mereka daripada terpengaruh dengan gejala buruk di sekeliling.

Dalam perkembangan lain, Muhyiddin berkata, seramai 700 ko-kaunselor akan dilatih di bawah program Kejurulatihan Ko-kaunselor Belia Negara menjelang akhir tahun ini.

Beliau berkata, ko-kaunselor terdiri daripada pemimpin belia dan penuntut institusi pengajian tinggi yang bersedia berkhidmat secara sambilan bagi menasihati remaja bermasalah.

"Ko-kaunselor memberi nasihat berkaitan kes ringan dan merujuk kes berat kepada 12 kaunselor profesional yang dilantik khas oleh Pusat Kaunseling Belia Negara," katanya. -- BERNAMA

NY PR